

19 NOV 1999

Wanita-Calon

WAKIL WANITA JANJI BANTU USAHA TINGKAT TARAF RAKYAT

Oleh: Zainal Abdul Jalil

ALOR SETAR, 19 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kedah mencalonkan lima wanita pada pilihan raya umum ke-10 ini berbanding empat orang pada pilihan raya yang lepas.

Ini sekali lagi mencerminkan pengiktirafan pucuk kepimpinan terhadap pentingnya peranan wanita dalam arena politik negara.

Kecuali Barishah Saad, ketua wanita Umno bahagian Kubang Pasu yang akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang, yang lain adalah muka baru.

Mereka terdiri daripada Rosnah Majid, yang bertanding kerusi DUN Tanjung Dawai, Marlia Abdul Latiff (DUN Merbau Pulas), Siti Mariam Salleh (DUN Belantik) dan Lim Bee Kau (Parlimen Padang Serai).

Pada pilihan raya lepas, calon BN Tanjong Dawai, Badri Yunus mengalahkan calon PAS, Mohd Yusof Omar dengan majoriti 4,575 undi. Beliau memperolehi 8,931 undi.

Di Merbau Pulas, wakil BN, Che Pora Omar mengalahkan calon PAS, Ahmad Jailani Ahmad dengan majoriti 7,703 undi. Beliau memperolehi 10,906 undi.

Di DUN Belantik pula, Hamlan Din mengatasi calon PAS, Salleh Musa, dengan kelebihan 428 undi. Beliau mendapat 5,819 undi.

Bagi Parlimen Padang Serai, BN yang diwakili ketua Wanita MCA Kedah, Lim Lay Hoon, mendapat 27,844 undi mengalahkan calon parti Semangat 46, Ahmad Awang (11,291 undi) dan calon bebas, Tan Kee Chye (1,177 undi).

Pada pilihan raya kali ini, calon BN Padang Serai yang diwakili muka baru, Lim Bee Kau yang juga Timbalan Ketua Wanita MCA Kedah, dijangka menghadapi tentangan Barisan Alternatif dari Parti Keadilan.

Bagi DUN Tunjang, Belantik, Merbau Pulas dan Tanjong Dawai, BN dijangka menghadapi tentangan Barisan Alternatif dari Pas.

Calon-calon wanita itu ditemui selepas Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Sunid, yang juga Pengerusi BN Kedah, mengumumkan nama calon-calon BN negeri di sini hari ini, memberikan reaksi positif terhadap penambahan wakil wanita pada pilihan raya kali ini.

Mereka mengucapkan terima kasih atas keyakinan serta kepercayaan pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi peluang kepada wanita mengetengahkan calon-calon yang sesuai di samping memperakui sumbangan wanita.

Rosnah Majid, 46, berkelulusan Sarjana Muda Sains Ekonomi dari Universiti Malaya ialah anak kelahiran Sungai Pial, Merbok. Beliau menamatkan kerjaya kewartawanan selama 20 tahun dengan Utusan pada 15 Jan 1997 untuk bergiat cergas dalam politik.

Ketua Wanita Umno Merbok itu berkata, "Datuk Seri Dr Mahathir telah membuat perkiraan yang tepat menambah bilangan kerusi bagi wanita.

Ini adalah satu penghormatan bagi wanita yang merupakan pengundi terbanyak di kalangan yang keluar mengundi, kira-kira 70 peratus.

Beliau yang dilantik mengetuai Unit Khas Wanita UMNO kebangsaan dalam bidang kewartawanan awal tahun ini mengakui tidak menghadapi masalah untuk memberikan komitmen terhadap kerjaya politiknya kerana mendapat sokongan penuh keluarga dan wanita di bahagiannya, di samping ketua UMNO bahagian Merbok, Tun Daim Zainuddin.

Sementara itu, Barishah, 61, berterima kasih kepada pucuk pimpinan kerana mengekalkan beliau sebagai wakil wanita di Kedah.

Beliau berkata ini membuktikan bahawa Dr Mahathir selaku Presiden Umno peka kepada peranan wanita dalam usaha menjayakan usaha membangunkan

negara.

Calon tunggal wanita dari MCA, Lim Bee Kau, 43, yang menggantikan ketua wanita MCA Kedah, Lim Lay Hoon berkata "Saya tidak akan menghampakan kepercayaan yang diberi dan berjanji pengundi akan mendapat khidmat yang terbaik."

Dua orang lagi calon wanita, Siti Mariam Salleh, 51, dan Marlia Abdul Latiff, 46, masing-masing berjanji memberi komitmen untuk membantu meningkatkan taraf hidup penduduk.

Siti Mariam, ketua Wanita UMNO bahagian Sik, adalah bekas Pegawai Penerangan Khas di Jabatan Penerangan Sik manakala Marlia, setiausaha Wanita UMNO Kedah ialah bekas Penyelia Kemas bagi DUN Merbau Pulas.

-- BERNAMA

ZA MFJ FAZ